

SIARAN AKBAR

PENANG CHANNEL CHALLENGE “PADDLE FOR COURAGE, STRENGTH AND CHANGE”

29 MAC 2009 (AHAD)
TANJONG CITY MARINA, PULAU PINANG

BEKAS PESAKIT KANSER PAYU DARA MENCABAR DIRI

Sekumpulan bekas pesakit kanser payu dara yang berani merentasi selat sepanjang 3.8km dari Bagan Ajam R&R ke Tanjong City Marina, Pulau Pinang dengan satu pesanan, “Kanser payu dara bukan hukuman maut”. Tema untuk *Penang Channel Challenge* ini adalah *Paddle for Courage, Strength and Change*.

Turut hadir di acara ini adalah Yang Berhormat Danny Law Heng Kiang, Pengerusi Jawatankuasa MMK, Pembangunan, Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan mewakili Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Sebagai kumpulan perahu naga yang pertama sekali terdiri daripada bekas pesakit kanser payu dara di Malaysia, wanita-wanita ini menyahut cabaran dalam merentasi laut yang bergelora untuk membuktikan kepada dunia bahawa mereka mampu dan tabah menghadapi apa jua cabaran dalam hidup. Usaha ini diibaratkan simbolik dan setanding dengan perjuangan mereka yang sebenar dengan kanser payu dara semasa di tahap diagnosis, rawatan dan pemulihan. Wanita ini, atau dengan gelaran Pink Challengers, merupakan contoh kepada mereka yang baru-baru didiagnos ataupun yang sedang bertempur dengan kanser payu dara.

Kakitangan dari *Royal Australian Air Force* turut memberikan sokongan dan galakkan dengan mengayuh bersampingan dengan Pink Challengers.

Kenapa perahu naga? Di samping aksi-aksi fizikal semasa mengayuh dapat menguatkan tenaga badan dan melenturkan otot, aktiviti perahu naga juga boleh menggelakkan *lymphoedema* atau bengkak di lengan yang akan dialami oleh semua wanita akibat kesan sampingan dari rawatan kanser payu dara. Dari segi falsafah, naga diibaratkan kanser payu dara. Diagnosis kanser payu dara adalah mirip dengan kemunculan naga yang mendadak di mana sebelum ini, naga itu menghendap dengan senyap dalam hidup wanita tersebut dan kemunculan naga sekarang akan menggugat nyawa mereka. Untuk ramai bekas pesakit kanser payu dara, aksi mengayuh di mana mereka menggunakan semua tenaga dan kekuatan dengan rentak yang sama ibarat membunuh naga yang merbahaya ini. Manakala untuk sebahagian lain, maksud ini bertukar menjadi menunggang naga itu. Setelah berjaya menempuhi segala dugaan dan penderitaan yang disebabkan oleh kanser payu dara, naga itu telah dianggap sebagai teman. Justeru itu, aksi mengayuh tersebut mewujudkan satu perasaan bagai menunggang bersama teman hidup; iaitu naga itu atau kanser payu dara. “*Being in the same boat*” bersama-sama mencipta perasaan persaudaraan dan sokongan sesama diri

Cik Ranjit Kaur, bekas pesakit kanser payu dara dan Presiden Persatuan Kebajikan Kanser Payu Dara, juga selaku jurugendang bagi cabaran ini berkata, “Acara ini amat bermakna kepada kami Kerala perasaan semasa mengarusi rintangan dan meredah ombak laut adalah simbolik dengan perjuangan kanser payu dara yang pernah dialami oleh semua ahli-ahli pasukan kami dalam proses diagnosis, rawatan dan pemulihan.”

Cabaran yang luarbiasa ini bertujuan menunjukkan kepada orang ramai bahawa pengesanan awal dan rawatan tepat masa dapat menyelamatkan nyawa seseorang. Sepertimana yang terkandung dalam ucapan YAB Tuan Lim Guan Eng, “Sekiranya kita semua berwaspada, kanser payu dara tidak akan menjadi satu penyakit yang digeruni oleh semua. Kesihatan diri adalah tanggungjawab semua orang. Beliau turut menambah, “*Pink Challengers* telah memenangi bukan saja pertandingan dengan diri, tetapi juga telah mengatasi apa jua cabaran dalam hidup mereka.”

Turut hadir memberi sokongan kepada cabaran ini adalah wakil kepada Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Malaysia, Cik Majell Hind.

Pink Challengers berikhtiar mengubah pemikiran dan sikap orang ramai terhadap kanser payu dara. Satu aktiviti luar yang berat dan mencabar seperti mengayuh perahu naga boleh dijadikan satu alat pengajaran untuk orang ramai bahawa seseorang itu masih boleh hidup malah dengan lebih aktif lagi selepas kanser payu dara.

Kedatangan mereka di Tanjung City Marina dialu-alukan dengan laungan bunyi hon Harley Owners Group (HOG) Malaysia Chapter dan para penunggang motosikal yang lain dari *Biking Community*.

Penang Channel Challenge ini diakhiri dengan upacara “*flowers-on-the-water*” yang dijalankan oleh Pink Challengers untuk mengingati wanita-wanita lain yang juga didiagnos dengan kanser payu dara. Pada akhir cabaran ini, satu “*moment of silence*” diikuti dengan mencampak bunga ke atas air sebagai penganangan semua wanita di dunia ini yang telah berjuang dengan berani sampai hujung akhir nyawa dan mereka yang masih berjuang dengan kanser payu dara hari ini.

Kesemua ahli pasukan Pink Challengers yang telah mengharungi cabaran ini terdiri daripada 15 bekas pesakit kanser payu dara termasuk para pengayuh dan jurugendang. Encik Azhari Hussen, selaku jurulatih rasmi pasukan ini adalah jurukemudi untuk cabaran ini.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Cik Hoon Li Ping or Cik Barbara Khoo
Breast Cancer Welfare Association
5th Floor, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
16 Jalan Utara, 46200 Petaling Jaya
Phone: 019-255 0153/ 016-558 5380